

♥12/11/10-57MST

CNS3303

U GB 12-11 00156 BH138

aab

Mahathir - Dayasaing (Bergambar)

MAHATHIR MAHU SEKTOR SWASTA PERTAHAN KELEBIHAN DAYASAING

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan sektor swasta mempertahankan kelebihan dayasaing mereka di pasaran antarabangsa sekarang dan bukannya leka dengan angka-angka tunjuk yang membanggakan.

Perdana Menteri berkata usaha seumpama itu amat penting kerana sebarang kelebihan dayasaing yang ada sekarang hanya sementara sahaja dan agak sukar dipertahankan bagi tempoh yang lama.

"Oleh yang demikian usaha-usaha untuk memperbaiki dan meningkatkan daya saingan kita hendaklah dijalankan secara berterusan," katanya pada majlis penyampaian Anugerah Kecemerlangan Industri 1993 di sini, hari ini.

Beliau berkata walaupun Malaysia disenaraikan di tempat ke-23 daripada segi prestasi eksport membabitkan 100 negara anggota Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (Gatt), kedudukan itu tidak boleh terlalu dibanggakan sehingga boleh melalaikan.

"Jika kita tidak berwaspada, prestasi kita akan merosot sebelum potensi kita dapat diperah sepenuhnya," tegas beliau. -- Lagi

♥12/11/12-53MST

U GB 12-11 00174 BH139

aab

Mahathir - Dayasaing 2 Kuala Lumpur

Sambil berkata bahawa proses inovasi tiada kesudahannya, Dr Mahathir mengingatkan sektor swasta terhadap halangan-halangan dalam perdagangan antarabangsa dan hanya mereka yang boleh menawarkan "the highest value for money" (nilai paling tinggi bagi wang) sahaja mampu menguasai pasaran.

Dalam hal ini, katanya, sektor swasta perlu bersikap inovatif dan mencari keluaran dan pendekatan baru ke arah kecemerlangan dengan menawarkan barangan dan perkhidmatan terbaik.

Beliau mencadangkan mereka mengeksport satu kepakaran baru iaitu pembinaan jalan, bangunan, perumahan, telekomunikasi, pengurusan dan rekabentuk hotel memandangkan banyak negara yang ingin membangun dengan cepat mengiktiraf Malaysia sebagai punca teknik dan perancangan untuk mencapai matlamat itu.

Dr Mahathir berkata bagi menyokong usaha-usaha sektor swasta, kerajaan memperkenalkan pelbagai langkah untuk membantu mereka meningkatkan prestasi seperti penubuhan Perbadanan Teknologi Industri (MTDC) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Maltrade).

"Kabinet juga telah meluluskan penubuhan Majlis Rekabentuk Kebangsaan untuk menerajui dan menyelaras aktiviti rekabentuk negara bagi meningkatkan keupayaan bersaing produk-produk industri perkilangan di pasaran tempatan dan antarabangsa." -- lagi

♥12/11/12-58MST

CNS3309

U GR 12-11 00244 BH140

aab

Mahathir - Dayasaing 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Katanya, sebuah Pusat Rekabentuk akan diwujudkan di bawah majlis itu bagi bertindak sebagai "focal point" untuk semua akitiviti rekabentuk.

Bagi meningkatkan lagi keupayaan sektor swasta tempatan, Perdana Menteri juga mahukan mereka memperolehi asas-asas daya saingan baru seperti pengetahuan, pengalaman, kredibiliti, kecekapan pasaran dan keusahawanan kerana "kita tidak lagi boleh bergantung kepada asas tradisional seperti bekalan bahan asli tempatan dan kos buruh yang rendah."

Dr Mahathir berkata ini kerana perkembangan teknologi pembuatan, pengangkutan serta komunikasi menyebabkan pemilihan bahan asli sendiri bukan lagi faktor kritikal dalam pembentukan corak perdagangan antarabangsa manakala kadar upah di Malaysia juga tidak dianggap rendah berbanding negara-negara lain di rantau ini.

Sebaliknya, kata beliau, asas-asas kekuatan daya saingan baru menjadi hak sesiapa sahaja yang sanggup melabur daripada segi masa dan tenaga dan dengan itu tidak ada sebab bagi sesiapa untuk berkata mereka tidak berupaya bersaing dengan mana-mana pihak.

Perdana Menteri juga mengingatkan sektor swasta tentang pertumbuhan blok-blok perdagangan yang kini menjadi ciri penting suasana perdagangan antarabangsa semasa dan dengan itu mereka harus mampu mengenalpasti dan mengambil tindakan segera terhadap peluang yang mungkin wujud daripadanya.

"Kerajaan, melalui penglibatan secara aktif di dalam rundingan dan forum pelbagai hala dan serantau, sedang bekerjasama rapat dengan masyarakat perdagangan antarabangsa untuk mengenakan disiplin yang lebih ketat ke atas amalan perdagangan yang tidak adil supaya akan wujud suasana perdagangan antarabangsa yang lebih terbuka," katanya. -- Bernama

JO RS

♥12/11/12-59MST